

|            |                 |             |                     |
|------------|-----------------|-------------|---------------------|
| Headline   | UMUM            |             |                     |
| MediaTitle | Utusan Malaysia |             |                     |
| Date       | 01 Aug 2016     | Color       | Full Color          |
| Section    | Letters         | Circulation | 171,663             |
| Page No    | 25              | Readership  | 563,000             |
| Language   | Malay           | ArticleSize | 167 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A             | AdValue     | RM 3,301            |
| Frequency  | Daily           | PR Value    | RM 9,902            |



## UMUM

■ SELAMAT hari lahir yang ke-63 buat Perdana Menteri dengan doa semoga Datuk Seri Najib Tun Razak dipanjangkan usia, diberikan kesihatan yang baik serta terus mendapat sokongan rakyat.

**012-765XXXX**

■ ISTILAH bahasa Inggeris terlambau banyak dipinjamkan ke bahasa Melayu. Contoh, komitmen, sedangkan dalam bahasa Melayu sudah ada. Pilih sahaja ayat yang sesuai seperti janji, setuju, kewajipan, dan tanggungjawab. Mohon DBP beri pencerahan kepada orang ramai.

**012-302XXXX**

■ TIDAK sepatutnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menaikkan harga parkir di semua kawasan khususnya tempat meletak kenderaan untuk orang awam. Difahamkan keuntungan diperoleh DBKL selama ini pun dah terlalu banyak!

**PENJUAL IKAN**

■ SYABAS buat embaga Tabung Haji (Tabung Haji) kerana berjaya mengelakkan harga subsidi jemaah haji Malaysia hampir RM8,000 seorang. Berita baik itu tentu 'merengsal' mereka yang berhenti menjadi pendeposit Tabung Haji gara-gara hasutan fitnah yang ditabur parti pembangkang. Sekarang nak menyesal pun dah tak guna!

**PENDEPOSIT TEGAR**

■ TAHNIAH kepada Khairul Hafiz Jantan atas

kejayaannya mercatat masa 10.18 saat mengatasi rekod lama Watson Nyambek pada Sukan Malaysia (Sukma) ke-18 yang berlangsung di Kuching, Sarawak. Melayu Boleh!

**AMIN**

■ HATI isteri mana yang tidak hancur apabila mendapat tahu siumi kahwin lagi. Tapi apakan daya semuanya lumrah kehidupan yang terpaksa dilalui. Semoga Adi Putra berbahagia dan jangan diabaikan isteri pertama yang sanggup berkorban kasih.

**PEREMPUAN MELAYU**

■ TAHNIAH kepada sukarelawan muda dari Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernatics yang turun padang memberikan makanan dan bantuan kepada golongan gelandangan anjuran Persatuan Alumni Cybernatics di ibu kota baru-baru ini.

**MOHD. AMINUDDIN**

■ TAK suka betul dengan sikap jelik golongan gelandangan yang membuang bekas makanan sesuka hati di kawasan pekarangan Masjid Negara. Tindakan mereka itu dikira melampau lebih-lebih lagi setelah diberi makanan percuma oleh individu dan wakil badan bukan kerajaan! Nasib baik pihak Alam Flora ada membersihkan kawasan itu.

**TEROPONG**

■ DIHARAP artis Malaysia jangan cepat kembang hidung apabila ditawarkan berlakon dengan produksi luar. Berapa banyak produksi luar yang memperbodohkan pelakon kita tetapi mereka tak juga serik.

**YUSOFF RASHID**